



KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

KESAN KEBAKARAN HUTAN DI RIAU, SUMATERA BARAT DAN KALIMANTAN BARAT KE ATAS MALAYSIA

23 FEBRUARI 2018

1. Berdasarkan laporan media massa, Wilayah Riau, Sumatera Selatan, Kalimantan Barat dan Kalimantan Tengah di Indonesia yang kini diletak di bawah amaran bencana selepas peningkatan titik panas atau *hotspot* berpunca daripada kebakaran hutan, ingin saya maklumkan bahawa Malaysia masih mengalami Monsun Timur Laut sehingga bulan Mac 2018, di mana arah angin utama adalah bertiup dari Timur Laut.
2. Merujuk kepada laman sesawang ASEAN Meteorological Centre (ASMC), bilangan titik panas pada 21 Februari 2018 di Indonesia adalah 9 iaitu 8 di Sumatera (5 daripada adalah di Riau) dan 1 di Kalimantan. Manakala terdapat 3 titik panas dikesan dalam negara iaitu Kelantan (1), Pahang (1) dan Sarawak (1).
3. Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASEAN Meteorological Centre (ASMC) pada 21 Februari 2018 menunjukkan penggerakkan angin pada masa kini adalah dari arah timur laut seperti di **Rajah 1**.

4. Sehubungan dengan itu, sekiranya berlaku kebakaran di Riau, Sumatera Barat dan Kalimantan Barat sewaktu Monsun Timur Laut, ianya tidak memberi kesan kepada negara kita memandangkan tiupan arah angin tidak menghala ke Malaysia.

BILANGAN TITIK PANAS (HOTSPOT)


5. Berdasarkan perbandingan jumlah titik panas di antara tahun 2017 dan 2018 sehingga 20 Februari, didapati terdapat peningkatan dari 102 titik panas pada tahun 2017 ke 122 titik panas pada tahun 2018 di Sumatera manakala di Kalimantan daripada 53 titik panas pada tahun 2017 kepada 134 titik panas pada tahun 2018.

TINDAKAN NEGARA INDONESIA

6. Berdasarkan komitmen Indonesia di bawah Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan, pihak Indonesia telah bertindak secara lebih pro aktif dan bersiap siaga lebih awal untuk mencegah dan menangani kebakaran berbanding sebelum ini. Ianya terbukti apabila Malaysia tidak mengalami kejadian jerebu merentas sempadan sejak dua tahun lalu iaitu pada tahun 2016 dan tahun 2017.

RAJAH 1

PETA JEREBU SERANTAU, 21 FEBRUARI 2018



(Sumber: ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)